



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN

KUPASAN MUTU JAWAPAN

Sijil Pelajaran Malaysia 2024



**Bahasa
Melayu
Kertas 2
1103/2**

1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	1103/2
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	100 markah
Masa	:	2 jam 30 minit

1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 2 mengandungi 3 bahagian, iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**. Semua soalan wajib dijawab.

Bahagian A : Mengandungi 5 soalan (35 markah).

Bahagian B : Mengandungi 3 soalan (35 markah).

Bahagian C : Mengandungi 1 soalan (30 markah).

2.0 PRESTASI CALON

2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Calon dapat menjawab soalan Bahagian A dengan baik. Calon dapat menguasai aspek morfologi, sintaksis, penyuntingan, bahasa Melayu standard dan peribahasa dengan baik mengikut peraturan pemarkahan yang diberi.

2.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat menulis jawapan mengikut kehendak soalan dengan tepat. Dalam Bahagian A calon menguasai tatabahasa aspek morfologi dan sintaksis. Selain itu, calon juga dapat menyunting sebahagian besar daripada kesalahan bahasa dalam teks. Terdapat calon yang dapat menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard dengan tepat. Bagi soalan peribahasa, calon dapat menjawab soalan dengan menepati kehendak peraturan pemarkahan.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon masih dapat menulis jawapan mengikut kehendak soalan dengan tepat. Dalam Bahagian A calon menguasai aspek morfologi dan sintaksis tetapi melakukan sedikit kesalahan tatabahasa. Selain itu, calon juga masih dapat menyunting kesalahan bahasa dalam teks. Calon dapat menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard dengan baik tetapi terdapat beberapa kosa kata klasik yang dikekalkan. Bagi soalan peribahasa, calon dapat menjawab sebahagian daripada soalan dengan tepat.

2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

Soalan 1: Morfologi

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata adjektif. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau nama khas.*

Perkembangan industri pembukuan negara agak lesu sejak belakangan ini. Kelesuan industri pembukuan termasuklah jumlah buku yang kurang diterbitkan oleh penerbit tempatan. Hal ini semakin membimbangkan kerana buku-buku ini diperlukan oleh generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara. Penerbitan buku untuk kanak-kanak dan remaja tidak mencapai 1000 judul setahun. Jumlah tersebut sangat kecil jika dibandingkan dengan jumlah kanak-kanak dan remaja kini. Akibat sukar mencari bahan bacaan tempatan, mereka terpaksa mencari bahan bacaan alternatif, khususnya dari luar negara. Buku-buku tersebut berkemungkinan turut mempengaruhi pemikiran, budaya dan tidak sesuai dengan amalan hidup masyarakat kita.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kota Ilmu, Buku dan Sastera Kita'
oleh Anwar Ridhwan,
Dewan Sastera, Bil. 4/2019

Calon perlu mengenal pasti dan menyenaraikan **empat kata adjektif**. Kemudian, calon dikehendaki membina **satu ayat sendiri** daripada setiap **kata adjektif** tersebut untuk menunjukkan bahawa calon faham akan maksud dan penggunaannya. Calon tidak boleh menambah, menggugurkan atau menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

1. lesu	Badan adik berasa lesu kerana dia tidak mengambil sarapan pada pagi tadi.
2. muda	Itu Golongan muda perlulah dibentangkan didikan yang cukup supaya dapat menjadi pemimpin yang berkesan.
3. kurang	Layanan diampada restoran tersebut agak kurang memuaskan kerana pelayan restoran itu bersikap agresif.
4. kecil	Ibu bapa haruslah mendidik anak mereka sejak kecil untuk menjadi insan yang berguna.

Calon memberikan jawapan yang menepati tugas soalannya. Calon berjaya membina ayat yang gramatis dan menunjukkan maksud perkataan yang diuji.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

1. Lesu	→ Ahmad berasa lesu kerana telah mengalami demam selama seminggu.
2. kecil	→ Buah yang dibeli oleh ibu sangat kecil kerana tidak mempunyai zat yang cukup.
3. Pemikiran	→ Pemikiran yang positif dapat membuat hidup kita aman dan bahagia.
4. Budaya	→ Budaya positif dapat menjadikan negara sentiasa aman tanpa sebarang perbalahan.

Calon hanya menyenaraikan dua perkataan yang diuji dan membina ayat dengan betul.

Soalan 2: Sintaksis

- 2 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, tukarkan **cakap ajuk** yang bergaris di bawah kepada **cakap pindah** tanpa mengubah maksud asalnya.

Kami meredah kedinginan, kelembapan dan kabus bagaikan melalui terowong masa dalam filem *Lord of The Rings* dan *Alice in Wonderland*. Aakif menghentikan langkah. Seronok melihat wap berterbangan dari bahu hingga ke kepalanya. Di tengah-tengah hutan lumut ini, dia seperti berada di alam fantasi.

“Ayah, mengapa puncak Gunung Irau dipenuhi lumut?” Tanya Aakif. Ayah menghentikan langkahnya sambil berpaling ke arah Aakif.

“Awan rendah dan angin dingin yang lembap sesuai untuk lumut, paku pakis, periuk kera, lichen dan orkid.” Jelas ayah. Ayah dapat menangkap riak kagum pada wajah Aakif. “Cantik?”

Aakif menjawab pertanyaan itu dengan senyuman yang menggambarkan kepuasan. Aakif mengusap banir dan batang pokok condong di sisi yang bersalut lumut hingga ke rantingnya.

Pinta Aakif, “Ayah, kita datang lagi ketika cuti sekolah pada hujung tahun.” Aakif benar-benar mengharap.

“Trek licin waktu itu. Bahaya. Jika ada masa yang sesuai, kita datang lagi.” Janji ayah. Aakif mengangguk setuju.

Dipetik daripada cerpen ‘Nabatah di Pohon Kasih’
oleh M. Arif

Calon dikehendaki **menukarkan cakap ajuk kepada cakap pindah** tanpa mengubah maksud asalnya.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

1. Aakif bertanya kepada ayah sebab puncak Gunung Irau dipenuhi lumut.
2. Ayah menjelaskan bahawa awan rendah dan angin dingin yang lembap sesuai untuk lumut, paku pakis, periuk kera, lichen dan orkid.
3. Aakif meminta kepada ayah untuk datang lagi agar mereka datang lagi ketika cuti sekolah pada hujung tahun.

Calon menukarkan cakap ajuk kepada cakap pindah tanpa mengubah maksud ayat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

- Aakif bertanya kepada ayahnya mengapa puncak Gunung Irau dipenuhi lumut.
- Ayah menjelaskan bahawa awan rendah dan angin dingin yang lembap sesuai untuk lumut, paku pakis, perbukit kera, 'lichen' dan orkid.
- Aakif meminta kepada ayahnya untuk mereka datang lagi ketika cuti sekolah pada hujung tahun.

Calon dapat menjawab dua daripada tiga ayat sahaja dengan betul.

Soalan 3: Penyuntingan

- 3 Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

RESUME	
	
<p>Nurain Sofia binti Kamarul Azman 21, Jalan Permai 3, 83000 Batu Pahat, Johor Darul Takzim</p>	
1. PEKERJAAN YANG DIPOHON Guru Tadika Perpaduan	
2. OBJEKTIF DAN MATLAMAT KERJAYA Membina kerjaya dalam bidang pendidikan dan memberikan sumbangan kepada kemajuan masyarakat. Seterusnya, saya berhasrat untuk bantu pembangunan modal insan.	
3. MAKLUMAT PERIBADI Nama: Nurain Sofia binti Kamarul Azman Umur: 25 tahun Tarikh lahir: 30 June 1999 Nombor telefon: 0187743222	
4. PENDIDIKAN Institut: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Bidang Pengajian: Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	
	5. POTENSI DIRI <ul style="list-style-type: none">• mesra dan mudah bekerjasama dalam kumpulan.• boleh berinteraktif dengan semua lapisan masyarakat.
	6. KEMAHIRAN <ul style="list-style-type: none">• mampu menghasilkan video kreatif.• menguasai kemahiran rekabentuk grafik.• mahir bermain beberapa alat muzik moden dan tradisional.• berkebolehan dalam pengucaapan awam.
	7. HARAPAN <p>Saya tersangat berharap agar diterima sebagai guru tadika ini. Saya yakin dapat menunaikan tanggungjawab ini dengan baik. Selain daripada itu, saya juga berhasrat agar dapat menarik minat ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke tadika ini.</p>
	8. RUJUKAN <p>Puan Fatimah binti Daud Pengetua SMK Sri Cemerlang, 83000 Batu Pahat, Johor Darul Takzim Nombor telefon: 074448888</p>

Dipetik dan diubah suai daripada
'Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4'
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Minat dan cita-cita menjadi faktor utama yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan remaja. Minat menjadikan seseorang bersemangat demi untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan. Sebagai contoh, Allahyarham Sudirman bin Haji Arshad merupakan penyanyi terkenal dan penghibur termashur negara yang amat disegani. Beliau merupakan siswa undang-undang tetapi meninggalkan bidang guaman untuk memilih bidang seni sebagai kerjaya pilihan kerana minat dan cita-citanya yang tinggi. Di ketika itu, Allahyarham dapat mengikat hati hampir seluruh rakyat Malaysia dengan lagu-lagu nyanyian beliau sehingga digelar sebagai 'Penghibur Nombor 1' di Asia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Faktor-faktor Pemilihan Kerjaya bagi Seseorang Remaja'
www.ipendidikan.my

Calon dikehendaki mengenal pasti, menyenaraikan pelbagai kesalahan bahasa dan membetulkan kesalahan tersebut. Calon tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sepuluh kesalahan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Bahan 1	
Salah	Betul
1. June	Jun
2. berinteraktif	berinteraksi
3. rekabentuk	reka bentuk
4. bantu	membantu
5. Selain daripada itu	Selain itu

Bahan 2	
Salah	Betul
1. demi untuk	untuk
2. termashur	termasyhur
3. Di ketika itu	Pada ketika itu
4. mengikat	menarik
5. mempengaruhi	mempengaruhi

Calon dapat menyenaraikan sepuluh kesalahan dan membetulkannya.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

3) kesalahan bahasa (bahan 1)	
1.	Dipohon → Dimohon
2.	bantu → membanfu
3.	June → Jun
4.	tersangat → sangat
5.	menunaikan → menanggung

kesalahan bahasa (bahan 2)	
1.	mempengaruh → mempengaruhi
2.	termashur → termasyhur
3.	Di → Pada
4.	seseorang → seorang
5.	demi → hanya

Calon hanya dapat menyenaraikan dan membetulkan enam daripada sepuluh kesalahan.

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

- 4 Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Telah kedengaran ke benua Siam bahawa Melaka negeri besar yang tiada takluk kepadanya, maka Paduka Bubunya pun menyuruh ke Melaka hendak minta surat sembah. Maka Sultan Muzaffar Syah tiada mahu menyembah ke benua Siam. Maka Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh berengkap akan menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai lagi.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Calon dikehendaki menulis semula prosa klasik kepada bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Benua Siam telah mendengar bahawa Melaka sebuah negeri besar yang tidak takluk kepadanya, lalu Paduka Bubunya menyuruh orang suruhannya ke Melaka hendak meminta surat menyembah. Kemudian Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menyembah ke benua Siam. Kemudian Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh orang suruhannya bersedia dengan kelengkapan akan menyerang Melaka; panglimanya bernama Awi Cakri, membawa rakyat ~~ya~~ terlalu banyak tidak tertira lagi.

Calon menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard dengan isi yang cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis tetapi terdapat kesalahan tatabahasa minimum. Calon juga menggunakan tanda baca dengan betul.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Berita Telah tersebar berita ^{hingga} ~~bahawa~~ negeri Siam bahawa Melaka negeri besar yang tiada takluk kepadanya, ^{lalu} ~~sa~~ Paduka Bubunnya mengarah untuk pergi ke Melaka meminta surat sembah. Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menyembah ke benua Siam. Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh untuk bersiap menyerang Melaka; panglima ~~Awi Fa~~ yang bernama Awi Cakri, membawa ramai rakyat tidak tertira ramainya.

Calon masih dapat menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard. Calon masih dapat mengemukakan isi yang cukup dan mengikut urutan tetapi ayat kurang gramatis.

Soalan 5: Peribahasa

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan **senaraikan** peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, berikan peribahasa lain yang **berlawanan maksud** dengan peribahasa tersebut.

Ibu bapa hendaklah sentiasa mendidik anak-anak supaya menjaga hubungan sesama adik-beradik seperti isi dengan kuku. Mereka diingatkan agar sentiasa ringan tulang membantu ahli keluarga membuat kerja rumah. Di sekolah pula, guru-guru telah berkorban masa dan tenaga untuk mendidik dan mengajar anak-anak bagi memastikan anak didik mereka berjaya dalam kehidupan ibarat genggam bara api biar sampai jadi arang. Oleh itu, ibu bapa dan guru perlu sentiasa bekerjasama bagai aur dengan tebing supaya dapat membantu anak-anak mendapat pendidikan yang berkesan sama ada di rumah atau sekolah.

Calon perlu menyenaraikan tiga peribahasa yang terdapat dalam petikan dan kemudian memberikan peribahasa lain yang berlawanan maksud dengan peribahasa tersebut.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

1. seperti isi dengan kuku
berlawanan maksud: bagai langit dengan bumi : seperti anjing dengan kucing
2. genggam bara api biar sampai jadi arang
berlawanan maksud: melepaskan batuk di tangga
3. bagai aur dengan tebing
berlawanan maksud: seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing

Calon dapat menyenaraikan tiga peribahasa dalam petikan dan dapat memberikan peribahasa berlawanan maksud.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

1. seperti isi dengan kuku
→ Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
2. ibarat genggam bara api biar sampai jadi arang
→ Menentang buluh biarlah dari rebungnya
3. Bagai aur dengan tebing
→ Seperti tatar di bawah tempurung

Calon hanya dapat menyenaraikan tiga peribahasa dalam petikan tetapi gagal memberikan peribahasa yang berlawanan maksud.

2.3 CADANGAN/ SYOR BAHAGIAN A

2.3.1 Calon

- a) Menguasai semua kemahiran tatabahasa bahasa Melayu.
- b) Menjadikan Kamus Dewan, Tatabahasa Dewan, kamus peribahasa, kamus prosa tradisional dan glosari prosa tradisional tingkatan empat dan tingkatan lima sebagai bahan rujukan.
- c) Membaca pelbagai jenis bahan bacaan terkini seperti Dewan Siswa, Kosmik, Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Pelita Bahasa dan bahan bacaan dalam Internet.
- d) Memahami dan menguasai maksud prosa tradisional Kepimpinan Melalui Teladan (Tingkatan 4) dan Burung Terbang Dipipiskan Lada (Tingkatan 5).

2.3.2 Guru

- a) Menggunakan pelbagai sumber bahan pembelajaran.
- b) Mengikuti perkembangan kosa kata dan tatabahasa terkini.
- c) Menjadikan buku Tatabahasa Dewan dan Kamus Dewan sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) wajib di dalam kelas.
- d) Memberikan penekanan terhadap turutan kemahiran tatabahasa seperti yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).
- e) Memberi penekanan teks prosa tradisional Kepimpinan Melalui Teladan (Tingkatan 4) dan Burung Terbang Dipipiskan Lada (Tingkatan 5).
- f) Menguasai tema dan kemahiran yang terdapat dalam DSKP.
- g) Merujuk kepada Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk membimbing murid.

2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B

2.4.1 Prestasi Keseluruhan

Calon dapat menjawab soalan Bahagian B pada tahap baik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan pemahaman berdasarkan petikan dengan cemerlang. Sebahagian calon dapat menjawab soalan KBAT dengan isi yang cukup dan gramatis.

2.4.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat memberikan jawapan dengan tepat, jelas dan menepati kehendak soalan termasuk soalan KBAT. Jawapan calon cukup dan gramatis. Calon menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan menyatakan idea dengan cemerlang.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon masih memberikan jawapan mengikut kehendak soalan. Jawapan calon tidak cukup tetapi masih gramatis. Calon menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan menyatakan idea dengan baik.

2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

Soalan 6 (i)

- 6 *Baca Bahan 1, Bahan 2 dan Bahan 3 yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Jika diteliti dari segi sejarah, kain songket yang diberikan jolokan ‘kain berpakan emas’ hanya dipakai oleh golongan bangsawan, keluarga kerabat diraja dan orang-orang besar di Tanah Melayu. Penggunaan songket dalam pemakaian golongan bangsawan dan istana adalah untuk menunjukkan kedudukan pangkat dan kebesaran individu yang memakainya. Hal ini dikatakan demikian kerana kehalusan tenunan, keunikan motif dan warna songket pada ketika itu sangat sesuai dengan golongan berkenaan.

Kain songket ini secara tradisinya ditenun dengan menggunakan benang sutera halus. Selain itu, benang emas juga sering digunakan dalam tenunan songket. Pada zaman dahulu hanya pihak istana yang dikatakan mampu dan dibenarkan untuk memiliki songket. Sejarar dengan perubahan masa, songket kini turut digayakan oleh orang kebanyakan. Songket jenis ini ditenun dengan menggunakan benang kapas dan dipakai oleh golongan rakyat jelata sebagai pakaian rasmi majlis tertentu.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Songket di Persada Dunia’
oleh Amirah Syazwani Baderol Sham,
Dewan Budaya, Bil. 3/2022

Bahan 2

Menurut Pak Andak, pada era 1960-an, beliau sering didedahkan dengan pakaian tradisional seperti songket oleh ayahnya untuk berurusan dengan pihak istana. “Saya dibesarkan dalam keluarga yang sering menggunakan pelbagai jenis pakaian tradisional yang berasaskan songket. Dalam setiap majlis dan acara, pasti ada penggunaan songket walaupun pada kain samping.” Ujar Pak Andak ketika menceritakan pengalamannya sebelum mula mengumpulkan pakaian tradisional seperti songket, kebaya dan kebarung. Sejak itu, Pak Andak mula mengumpulkan pakaian tradisional, termasuklah songket milik keluarganya dan kenalan terdekat untuk dijadikan koleksi. Selain itu, songket juga digunakan untuk menyerikan raja sehari ketika majlis perkahwinan.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Si Jantung Hati – Raja Andak Raja Hussin’
oleh Muhammad Lutfi dan Syaza Wardina Abd Khalik,
Dewan Budaya, Bil. 3/2022

Bahan 3

Songket yang dipakai bertujuan untuk melambangkan gaya hidup berbudaya tinggi. Seni tenunan songket bukan sahaja tergambar pada luaran malah termasuk juga nilai estetik yang sangat tinggi.



Salah satu unsur yang menjadi jati diri sesuatu bangsa ialah pakaian. Pemakaian kain songket dalam budaya Melayu dapat menggambarkan jati diri seseorang yang berbangga dengan warisan budayanya.

Aspek kekukuhan dan keindahan songket bukan sahaja terletak pada tatacara pembikinan terhadap reka coraknya yang halus dan bermutu tinggi tetapi turut terarah pada motif-motifnya yang sarat dengan kepelbagaian makna dan falsafahnya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Songket Melayu: Serumpun Bangsa Sesantun Budaya'
oleh Arba'iyah Ab Aziz,
Jurnal Pengajian Melayu – JOMAS, Jilid 32(2), 2021

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah jenis bahan yang digunakan untuk menenun songket?

Calon perlu **memberikan dua jenis bahan yang digunakan untuk menenun songket** berdasarkan Bahan 1 dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(i) Berdasarkan Bahan 1, jenis bahan yang digunakan untuk menenun songket ialah benang sutera halus, benang emas dan benang kapas.

Calon dapat memberikan jawapan yang tepat dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

i. Berdasarkan Bahan 1, jenis bahan yang digunakan untuk menenun songket ialah benang kapas.

Calon hanya memberikan satu jawapan sahaja dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Soalan 6 (ii)

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1**, **Bahan 2** dan **Bahan 3** terdapat pelbagai tujuan penggunaan pakaian berasaskan songket.

Nyatakan tujuan-tujuan tersebut.

Calon perlu memberikan **sekurang-kurangnya satu jawapan** daripada semua bahan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(ii) Dengan merujuk Bahan 1, tujuan penggunaan pakaian berasaskan songket adalah untuk menunjukkan kedudukan pangkat dan kebesaran individu yang memakainya. Dengan merujuk Bahan 2, tujuan penggunaan pakaian berasaskan songket adalah untuk berurusan dengan pihak istana. Songket juga digunakan untuk menyerikan raja sehari ketika majlis perkahwinan. Dengan merujuk Bahan 3, tujuan penggunaan pakaian berasaskan songket adalah untuk melambangkan gaya hidup berbudaya tinggi. Pemakaian kain songket dalam budaya Melayu dapat menggambarkan jati diri seseorang yang berbangga dengan warisan budayanya.

Calon dapat mengemukakan isi yang cukup, menyentuh semua bahan dan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

ii) Berdasarkan Bahan 1, Bahan 2, dan Bahan 3, tujuan-tujuan penggunaan pakaian berasaskan songket adalah untuk menunjukkan kedudukan pangkat dan kebesaran individu yang memakainya, untuk menyerikan raja sehari ketika majlis perkahwinan dan untuk melambangkan gaya hidup budaya tinggi.

Calon tidak memberikan isi yang cukup tetapi menyentuh semua bahan dan ayat masih gramatis.

Soalan 6 (iii)

- (iii) Songket mengalami perubahan sejajar dengan peredaran masa. Pelbagai fesyen pakaian baharu mempengaruhi perkembangan pakaian tradisional tersebut terutamanya songket tenunan asli. Namun, dikatakan tidak ramai yang gemar memakai songket tenunan asli sebagai pakaian harian.

Pada pendapat anda, apakah sebab-sebabnya?

Calon perlu **menyatakan dua sebab** tidak ramai yang gemar memakai songket tenunan asli sebagai pakaian harian.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(iii) Pada pendapat saya, sebab-sebab tidak ramai yang gemar memakai songket tenunan asli sebagai pakaian harian ialah songket tenunan asli sukar didapati kerana bahan yang digunakan untuk menenun songket sukar didapati. Selain itu, individu perlu mengeluarkan duit yang banyak untuk membeli songket tenunan asli kerana kos yang mahal dan stok yang terhad. Seterusnya, sebab tidak ramai yang gemar memakai songket tenunan asli sebagai pakaian harian kerana warna songket tenunan asli yang tidak menarik dan kelihatan lapuk. Akhir sekali, sebab-sebabnya ialah kain songket tenunan asli yang tebal dan panas tidak sesuai dijadikan pakaian harian.

Calon dapat memberikan isi yang cukup dan relevan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(iii) Pada pendapat saya, antara sebabnya ialah rupa ^{dan corak} kain songket tenunan asli kelihatan tertalu ketinggalan zaman. Hal ini dikatakan demikian kerana pakaian ^{zaman} ~~tersebut~~ kini lebih sesuai dipakai untuk kegunaan harian. Tambahan pula, memakai pakaian songket sebagai pakaian harian akan menimbulkan persepsi negatif kepada orang sekitar. Orang sekitar akan beranggapan bahawa pemakai sengaja memaparkan kekayaan yang dimiliki dan berfikir bahawa pemakai merupakan ~~orang~~ ^{orang} yang sombong dan bongkak.

Calon memberikan hanya satu jawapan tepat dan relevan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Soalan 6 (iv)

- (iv) Anda dan rakan kongsi telah membuka sebuah kedai pakaian tradisional. Akan tetapi, jualan berkurang dan mengalami kerugian. Selaku pengurus, anda perlu melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan hasil jualan.

Cadangkan langkah-langkah tersebut.

Calon perlu memberikan **tiga cadangan** langkah untuk meningkatkan hasil jualan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(iv) Selaku pengurus, saya akan menyuruh para pekerja mengedarkan brosur kepada pelanggan dan masyarakat yang berada berhampiran kedai pakaian tradisional saya agar mereka mengetahui kewujudan kedai pakaian tradisional saya dan membeli pakaian tradisional di kedai saya. Seterusnya, saya akan meminta pekerja-pekerja untuk mempromosikan kedai pakaian tradisional kami di media sosial seperti di aplikasi Tik Tok, Instagram dan Facebook kerana majoriti masyarakat menggunakan media sosial pada masa ini. Akhir sekali saya akan memohon untuk menyertai membuka gerai jualan di Karnival Kebudayaan Kebangsaan yang dianjurkan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan jualan kerana penggemar pakaian tradisional akan berkumpul di karnival tersebut.

Calon dapat mengemukakan isi yang cukup dan relevan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

iv. Sebagai pengurus, langkah-langkah yang perlu saya lakukan ialah membuat dan mengedarkan poster tentang kewujudan kedai pakaian tradisional yang saya tubuhkan. Selain itu, saya juga akan menyebarkan di media sosial seperti Tik Tok tentang pakaian tradisional yang dijual oleh kami. Seterusnya, saya akan mengadakan potongan harga untuk menarik minat pelanggan. Akhir sekali, saya akan membuat pakaian yang sesuai dengan peredaran zaman tetapi tidak mengubah tradisi.

Calon tidak memberikan isi yang cukup tetapi ayat masih gramatis.

Soalan 7 (i)

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

KORUS:

Pemimpin harus berani
Berhadapan dengan kenyataan
Musuh ditentang dengan tabah hati
Demi menegak kebenaran.

Rakaman video ditayangkan. Di pejabat ONN.

Kelihatan TUAN CAMPBELL meletakkan surat di atas meja ONN. ONN membuka surat itu dan membacanya. CAMPBELL memerhatikannya.

ONN: Apakah ertinya ini? Inggeris mahu merampas tanah saya di Bukit Senyum?

D.J. CAMPBELL: *Yes ...* sebab anda gagal menyempurnakan hutang keluarga anda dengan *state government*.

ONN: Tapi, itu tidak bererti Inggeris dengan sewenang-wenangnya boleh merampas tanah saya. Itu tanah pusaka ayah saya, Menteri Besar negeri Johor ini. Dan, itulah tanah anugerah Sultan kepadanya. Inggeris tidak boleh sesuka hati merampas tanah anak negeri.

Dipetik daripada drama 'Dato' Onn'
oleh Othman Haji Zainuddin,
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

APABILA BERGELAR YANG BERHORMAT

Apabila kau bersumpah,
Bertaat setia di istana indah,
Prinsip perjuangan tak boleh goyah,
Itulah sikap pemimpin dipangkah,
Bukannya cepat berubah arah,
Walau disogok dunia yang mewah.

Apabila kau menjadi pemimpin,
Berbahas membela jelata marhaen,
Agar mereka makmur sejahtera,
Tanpa mengira agama dan bangsa.

Apabila kau bergelar Yang Berhormat,
Berkhidmat tiada penamat.

Ara Maisarah
Kampung Sri Damai
Kuantan

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, mengapakah Inggeris tidak boleh sewenang-wenangnya merampas tanah Onn?

Calon perlu memberikan **dua sebab** Inggeris tidak boleh sewenang-wenangnya merampas tanah Onn.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

i) Berdasarkan Bahan 1, Inggeris tidak boleh sewenang-wenangnya merampas tanah Onn kerana tanah itu ialah tanah pusaka ayahnya, Menteri Besar negeri Johor dan tanah itu juga tanah anugerah Sultan kepada ayahnya. Inggeris tidak boleh merampas tanah anak negeri sesuka hati.

Calon dapat memberikan jawapan yang tepat dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

i. Berdasarkan Bahan 1, Inggeris tidak boleh sewenang-wenangnya merampas tanah Onn kerana ianya merupakan tanah anugerah Sultan kepadanya.

Calon hanya memberikan satu jawapan yang tepat dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Soalan 7 (ii)

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan sikap yang seharusnya ada pada seorang pemimpin.

Calon perlu menyatakan **satu sikap** yang seharusnya ada pada seorang pemimpin daripada setiap bahan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(ii) Dengan merujuk Bahan 1, sikap yang seharusnya ada pada seorang pemimpin ialah pemimpin harus berani berhadapan dengan kenyataan. Pemimpin juga perlulah tabah menentang musuh demi menegakkan kebenaran. Dengan merujuk Bahan 2, sikap yang seharusnya ada pada seorang pemimpin ialah pemimpin mestilah membela rakyat jelata agar mereka hidup dalam keadaan sejahtera tanpa mengira agama dan bangsa. Seterusnya, seorang pemimpin tidak boleh mempunyai prinsip perjuangan yang goyah.

Calon dapat mengemukakan isi yang tepat, menyentuh semua bahan dan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(ii) Berdasarkan Bahan 1, sikap yang seharusnya ada pada seorang pemimpin ialah berani menghadapi kenyataan. Selain itu, menentang musuh dengan hati yang tabah. Berdasarkan Bahan 2, sikap yang harus ada pada pemimpin ialah taat setia. Selain itu, mempunyai prinsip perjuangan yang tidak goyah. Akhir sekali, pemimpin hendaklah sanggup membela rakyat.

Calon tidak memberikan isi yang cukup namun ayat masih gramatis.

Soalan 7 (iii)

- (iii) Seorang pemimpin yang bertanggungjawab sangat penting dalam pembentukan sebuah negara bangsa.

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan terhadap rakyat jika pemimpinnya seorang yang bertanggungjawab?

Calon perlu memberikan **dua kesan** terhadap rakyat jika pemimpinnya seorang yang bertanggungjawab.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

iii)	Pada pendapat saya, kesan terhadap rakyat jika
	pemimpin pemimpinnya seorang yang bertanggungjawab
	ialah rakyat akan hidup dalam keadaan harmoni.
	Selain itu, taraf hidup rakyat dapat ditingkatkan. Di samping
	itu, perpaduan kaum dapat dipupuk.

Calon dapat memberikan isi cukup dan relevan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

iii.	Pada pendapat saya, kesan-kesan terhadap rakyat jika pemimpinnya seorang yang
	bertanggungjawab ialah negara akan menjadi aman dan sejahtera. Selain itu, tidak
	akan berlaku perbalahan antara kaum. Akhir sekali, negara akan menjadi negara
	yang bebas dari rasuah

Calon tidak dapat memberikan isi yang cukup dan relevan tetapi masih menggunakan ayat yang gramatis.

Soalan 7 (iv)

- (iv) Anda merupakan guru penasihat persatuan di sekolah. Sepanjang pemerhatian anda, tidak banyak murid yang berani menjadi ketua atau pemimpin dalam apa-apa program, persatuan atau kelab.

Cadangkan program-program yang perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi membentuk pemimpin dalam kalangan murid.

Calon perlu **menyatakan tiga program yang perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah** bagi membentuk pemimpin dalam kalangan murid.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(iv) Sebagai guru penasihat persatuan di sekolah, saya akan mencadangkan agar pihak sekolah melaksanakan Kem Kepimpinan pada setiap tahun untuk membentuk pemimpin dalam kalangan murid. Selain itu, saya akan mencadangkan program Hari Kesusahawanan yang akan dikendalikan oleh agar murid-murid belajar cara untuk memimpin rakan-rakan mereka dalam menguruskan sesuatu perniagaan dan kewangan. Seterusnya, pihak sekolah perlu melaksanakan program Minggu Mengingati Pemimpin supaya murid-murid lebih dide untuk mendedahkan kepada murid-murid. Seterusnya, pihak sekolah perlu melaksanakan program Minggu Mengingati Pemimpin Negara untuk mendedahkan kepada murid-murid kepe kepemimpinan pemimpin-pemimpin negara dan kewibawaan mereka. Akhir sekali, pihak sekolah saya mencadangkan pihak sekolah menjemput tokoh-tokoh pemimpin terkenal untuk berkongsi pengalaman mereka kepada murid-murid sekali gus memberi semangat kepada murid-murid untuk menjadi pemimpin.

Calon dapat memberikan isi cukup dan relevan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

iv. Antara program-program yang perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi membentuk pemimpin dalam kalangan murid ialah mengadakan program kepimpinan supaya dapat mencipta keberanian dalam diri murid. Selain itu, mengadakan program yang boleh membuat seseorang berani untuk mengetuai kumpulan seperti program perhemahan. Akhir sekali, saya akan mengadakan program yang akan membuat semua murid untuk menjadi seseorang yang berani untuk mengetuai kumpulan.

Calon tidak memberikan isi yang cukup dan relevan tetapi masih menggunakan ayat yang gramatis.

Soalan 8 (i)

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*.

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Tidak disangka-sangka, kereta Doktor Sadiz merapati sebuah lori tangki minyak, merempuh belakang lori tersebut yang terhenti secara mendadak di kawasan lampu trafik.

“*Astaghfirullah*. Doktor Sadiz kemalangan!”

Dari jarak yang agak jauh itu, mereka semua dapat menyaksikan kereta baharu Doktor Sadiz terperosok di bawah lori tangki minyak itu. Mereka menyaksikan pemandu dan kelindan lori itu sempat terjun, sebelum lori itu meledak disambar api. Doktor Sadiz yang masih terhimpit di dalam kereta baharunya itu, tergamam dan terkapai-kapai apabila dia mula diserbu oleh lidah api yang berwarna merah, ungu, kuning, putih dan kebiru-biruan itu. Banyak orang cuba membantunya, tetapi tidak seorang pun dapat menghampiri kereta dan pemiliknya yang hangus rentung dijilat api itu.

Dipetik daripada novel *Pantai Kasih*
oleh Azmah Nordin,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah yang berlaku pada kereta Doktor Sadiz?

Calon perlu menyatakan perkara yang berlaku pada kereta Doktor Sadiz.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(i) Kereta Doktor Sadiz merapat di sebuah lori tangki minyak, merempuh belakang lori tersebut. Kereta baharu Doktor Sadiz terperosok di bawah lori tangki minyak itu dan mula diserbu oleh lidah api yang berwarna merah, ungu, kuning, putih dan kebiru-biruan itu. Kereta dan pemiliknya yang hangus rentung dijilat api itu.

Calon dapat memberikan tiga isi dengan tepat berdasarkan tugas menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Doktor Sadiz merapat di sebuah lori tangki minyak, merempuh belakang lori. Selain itu, terperosok di bawah tangki minyak itu. Selanjutnya, terhimpit di dalam kereta baharunya itu. Di samping itu, hangus rentung dijilat api itu.

Calon tidak dapat memberikan isi cukup dengan tepat tetapi masih menggunakan ayat yang gramatis.

Soalan 8 (ii)

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan **satu** peristiwa yang tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan masyarakat dan cadangkan penyelesaian terhadap masalah tersebut bagi setiap novel. [6 markah]

Calon perlu **menguraikan satu peristiwa** yang tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan masyarakat dan mencadangkan penyelesaian terhadap masalah tersebut bagi setiap novel.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(ii) Novel yang saya kaji ialah Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Peristiwa yang tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan masyarakat ialah peristiwa Farisha diculik oleh 2 dua orang lelaki yang telah dirupah oleh Medina. Dua orang lelaki tersebut menculik Farisha semasa Farisha berada di hospital. Cadangan penyelesaian bagi masalah tersebut ialah pihak hospital perlulah mengetatkan lagi kawalan dan keselamatan di hospital.

Novel yang saya kaji ialah Silir Daksina karya Nizar Parman. Peristiwa yang tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan masyarakat ialah peristiwa Haikal tidak dapat melihat wajah arwah ayahnya untuk kali yang terakhir. Umi tidak membenarkan Haikal untuk pergi ke majlis pengebumian ayahnya ketika dia sedang menduduki UPSR. Cadangan penyelesaian bagi masalah tersebut ialah individu perlulah merendahkan egonya dan tidak melibatkan orang lain dalam perselisihan faham mereka terhadap seseorang itu.

Calon dapat memberikan satu peristiwa dan cadangan penyelesaian yang jelas daripada setiap novel dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

ii-	Novel yang saya kaji di tingkatan empat lima ialah siri Darina karya
	Nizar Parman. Peristiwa yang tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan masyarakat
	ialah Ratna yang gagal mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan.
	Antara langkah untuk menyelesaikan masalah tersebut ialah ibu bapa perlu
	menasihati anak-anak mereka untuk supaya tidak berputus asa dalam akademik.
	Akhir Selain itu, seorang pelajar perlulah sentiasa bersemangat dalam akademik.
	Akhir sekali, seorang pelajar juga perlu berusaha dalam pembelajaran.
	Novel yang saya kaji di tingkatan empat ialah Di Sebalik Dinding karya Dayang
	Noor.

Calon hanya memberikan peristiwa dan cadangan penyelesaian yang jelas daripada sebuah novel sahaja dengan menggunakan ayat yang gramatis.

2.6 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN B

2.6.1 Calon

- a) Menguasai tema yang terdapat dalam DSKP.
- b) Membaca pelbagai jenis bahan bacaan terkini seperti Dewan Siswa, Kosmik, Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Pelita Bahasa dan bahan bacaan dalam Internet.
- c) Mengetahui pelbagai isu semasa.
- d) Menguasai peristiwa yang terdapat dalam novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- e) Memahami kehendak soalan dengan jelas dan markah yang diperuntukkan untuk setiap soalan.
- f) Menguasai teknik menjawab semua jenis soalan pemahaman.

2.6.2 Guru

- a) Menggunakan pelbagai sumber bahan pembelajaran.
- b) Menguasai tema yang terdapat dalam DSKP.
- c) Membaca pelbagai jenis bahan bacaan terkini seperti Dewan Siswa, Kosmik, Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Pelita Bahasa dan bahan bacaan dalam Internet.
- d) Menguasai teknik menjawab semua jenis soalan pemahaman.
- e) Merujuk kepada Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk membimbing murid.

2.7 PRESTASI CALON BAHAGIAN C

2.7.1 Prestasi Keseluruhan

Jawapan calon secara keseluruhannya pada tahap baik. Calon menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan memindahkan maklumat daripada semua bahan dengan menggunakan bahasa yang gramatis. Sebahagian besar calon berjaya mengenal pasti dua fokus yang terdapat dalam semua bahan.

2.7.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat menulis rumusan dengan tepat, iaitu pendahuluan, lapan isi daripada dua fokus yang menyentuh semua bahan dan kesimpulan. Calon menggunakan ayat yang gramatis dan hanya terdapat kesalahan bahasa yang minimum. Calon juga menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan memindahkan maklumat daripada semua bahan.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon masih dapat menulis rumusan dengan baik dan menepati dua fokus tetapi tidak menyentuh semua bahan. Isi rumusan kurang daripada lapan, tidak lengkap tetapi masih menepati format, gramatis dan hanya terdapat kesalahan bahasa yang minimum.

Soalan 9 (i)

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal setiap bahan.*

Bahan 1

Ledakan teknologi digital menunjukkan bahawa pengguna media sosial kini dihidangkan dengan maklumat berbentuk produk, iaitu barangan dan perkhidmatan serta pelbagai isu lain. Maklumat tersebut disebarkan oleh pengengaruh media sosial (PMS) atau *influencer*. Setiap PMS perlu sedar bahawa peranan mereka sangat besar dalam pemilihan maklumat yang bermanfaat untuk disebarkan kepada pengguna. Oleh itu, maklumat yang dianggap sia-sia dan tidak memberikan nilai tambah kepada kehidupan hendaklah dielakkan. Seterusnya, PMS dapat melahirkan generasi berilmu pengetahuan luas melalui maklumat yang disebarkan selagi tidak bertentangan dengan adat dan nilai agama. Generasi berilmu inilah yang bakal menjadikan negara kita makmur dan harmoni.

PMS terdedah kepada teguran atau kritikan daripada netizen. Maklum balas daripada segelintir netizen tidak semuanya berupa pujian tetapi mungkin berbentuk kritikan pedas yang boleh menjejaskan reputasi pengengaruh. PMS haruslah menjadi seorang yang bersedia untuk menerima teguran daripada pengguna media sosial. Dalam hal ini, PMS yang berfikiran terbuka akan menjadikan teguran itu sebagai penambahbaikan kandungan bahannya. Dari sudut lain pula, PMS hendaklah meningkatkan kepercayaan pengikut agar mereka berpuas hati dan semakin setia kepadanya. Pada masa yang sama, PMS mestilah seorang yang menghargai kesetiaan pengikutnya supaya mendapat sokongan berterusan dan bilangan pengikut kian bertambah.

Sungguhpun kemunculan kelompok PMS umpama cendawan tumbuh selepas hujan tetapi masih terdapat PMS yang menyampaikan maklumat palsu. Sepatutnya, mereka menjadi seorang yang telus terhadap penyampaiannya. Jangan menyembunyikan fakta sebenar semata-mata untuk meraih keuntungan dan populariti. Secara tidak langsung, PMS dapat mempengaruhi perubahan corak pemikiran individu. Hal ini bergantung pada perkara yang ditonton dan diikuti di media sosial. Tegasnya, sebaran maklumat daripada PMS semakin dinanti-nantikan oleh pengguna media sosial. Namun, PMS perlu ingat bahawa sebaran maklumat yang bertentangan dengan etika boleh dikenakan tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pengaruh Media Sosial: Dampak Positif atau Sebaliknya'
oleh Harlina Halizah Siraj,
Dewan Masyarakat, Bil. 3/2022

Bahan 3

Mak Long Siah: Engkau tahu ke, anak Roziah yang tinggal di blok hujung tu kerjanya sebagai pempengaruh media sosial?

Mak Ngah Nora: Kerja yang cakap-cakap macam dalam TikTok tu ke? Apakah sangat kerja macam tu

Mak Long Siah: Engkau jangan kata gitu, Nora. Mereka bukan sahaja kaya, malah mereka boleh menjadi suara pendesak kepada mana-mana pihak pun.

Mak Ngah Nora: Macam mana? Aku tak faham.

Mak Long Siah: Anak aku kata, mereka yang pandai bercakap macam anak Roziah tu, ada banyak pengikut, dia boleh desak pihak berkenaan untuk baiki kelemahan sistem atau perkhidmatan. Tambahan pula, orang kerja macam tu dapat menyampaikan masalah masyarakat kepada pihak berkuasa.

Mak Ngah Nora: Ooo ... baru aku faham. Hebat rupanya!

Calon perlu menulis rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan berdasarkan Bahan 1, Bahan 2 dan Bahan 3.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Rumusan membincangkan peranan-peranan mempengaruhi media sosial (PMS) dan ciri-ciri yang perlu ada pada PMS.

Peranan-peranan mempengaruhi media sosial ialah PMS hendaklah meningkatkan kepercayaan pengikut agar mereka berpuas hati dan semakin setia kepadanya. PMS dapat melahirkan generasi berilmu pengetahuan luas melalui maklumat yang disebarkan selagi tidak bertentangan dengan adat dan nilai agama. PMS menjadi suara pendesak kepada mana-mana pihak. PMS menyampaikan masalah masyarakat kepada pihak berkuasa.

Ciri-ciri yang perlu ada pada PMS ialah PMS haruslah bersedia untuk menerima teguran daripada pengguna media sosial. PMS mestilah seorang yang menghargai kesetiaan pengikutnya. PMS juga perlu mempunyai penampilan diri yang menarik dan keyakinan diri untuk berkomunikasi dengan baik.

Kesimpulannya, PMS perlulah dihormati agar suara rakyat didengar dan negara berada dalam keadaan aman.

(118 patah perkataan)

Calon dapat menulis rumusan dengan memberikan pendahuluan yang betul, lapan isi daripada dua fokus yang menyentuh semua bahan. Kesimpulan yang dikemukakan menepati tema dan menyatakan cadangan serta kesannya. Bahasa yang digunakan gramatis dan rumusan tidak melebihi 120 patah perkataan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Rumusan membincangkan tentang langkah-langkah untuk menjadi mempengaruhi media sosial dan kesan menjadi mempengaruhi media sosial.

Antara langkah untuk menjadi mempengaruhi media sosial ialah kita haruslah menjadi seorang yang bersedia untuk menerima teguran daripada pengguna media sosial. Selain itu, kita juga perlu menjadi seseorang yang menghargai kesetiaan pengikutnya supaya mendapat sokongan berterusan dan bilangan pengikut kian bertambah. Seterusnya kita ~~but~~ perlu mempunyai penampilan diri yang menarik. ~~dan~~

Akhir sekali, kita perlu mempunyai keyakinan diri untuk berkomunikasi dengan baik.

Antara kesan selepas menjadi mempengaruhi ialah dapat melahirkan generasi berilmu pengetahuan luas melalui maklumat yang disebarkan. Seterusnya ialah mempengaruhi dapat mempengaruhi perubahan corak pemikiran Individu. Akhir sekali ialah mempengaruhi boleh menjadi suara pendesak kepada mana-mana pihak dan dapat menyampaikan masalah masyarakat kepada pihak berkuasa.

Kesimpulannya, mempengaruhi media sosial dapat membenarkan kesan positif dan negatif kepada pemikiran masyarakat.

(121 patah perkataan)

Calon tidak dapat menulis pendahuluan rumusan dengan tepat. Isi tidak cukup dan tidak menyentuh semua fokus daripada semua bahan. Kesimpulan yang diberikan hanya merupakan pernyataan tanpa cadangan dan kesan. Bahasa yang digunakan juga masih gramatis. Jumlah perkataan melebihi 120 patah perkataan.

2.8 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN C

2.8.1 Calon

- a) Menguasai kemahiran membaca dan menganalisis pelbagai bahan.
- b) Membudayakan perbincangan dengan rakan-rakan tentang pelbagai isu semasa.
- c) Menguasai teknik penulisan rumusan yang betul.
- d) Membezakan isi dan huraian dalam bahan yang diuji.
- e) Memperbanyak latihan rumusan untuk mengesan fokus.

2.8.2 Guru

- a) Menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar.
- b) Meningkatkan kemahiran membina item yang standard mengikut format Sijil Pelajaran Malaysia.
- c) Menguasai kemahiran memeriksa jawapan rumusan dengan betul.
- d) Meningkatkan ilmu pengetahuan dengan membaca pelbagai sumber bahan bacaan.
- e) Merujuk kepada Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk membimbing murid.

PENGHARGAAN

**PENGERUSI:
DR. HABIBAH BINTI MAT REJAB**

**URUS SETIA:
PUAN ROSLIZA BINTI ROSLI
PUAN LAILY FAZLIN BINTI DATO' SRI
KHAIRIL
PUAN AIMI MAHFUZAH BINTI MOHD.
KAMALLUDEEN**

**EDITOR:
PUAN NORAZAH BINTI BIDI
PUAN NORHATINI BINTI SHAARI
PUAN FAIZAH BINTI SAMAD
ENCIK MAHADI BIN MAHMUD
PUAN ANGELIN CHIAH YONG LE
PUAN TAN SHAN XI
CIK NURUL ATIQA OMAR
PUAN IYLIA NATASYA BINTI ANUAR
CIK SITI FADZILAH BINTI ABU BAKAR**

**PANEL PENULIS:
KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1
KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 2
KP & KPB BAHASA INGGERIS SPM KERTAS 2
KP & KPB SAINS SPM KERTAS 2
KP & KPB SEJARAH SPM KERTAS 2
KP & KPB MATEMATIK SPM KERTAS 2
KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 1
KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 2
KP & KPB KIMIA SPM KERTAS 2
KP & KPB BAHASA CINA SPM KERTAS 1
KP & KPB BAHASA CINA SPM KERTAS 2**